

# Usahawan wanita tambah ilmu

**Melaka Tengah:** Lebih 50 usahawan wanita menyertai Seminar Peningkatan dan Kemajuan Perniagaan 2013 anjuran Pejabat Pembangunan Wanita Melaka di Perkampungan Hang Tuah, Duyong, di sini.

Pengarah Pejabat Pembangunan Wanita negeri, Noor Hisamsol Md Sidik, berkata program itu bertujuan melengkapkan diri peserta dengan ilmu pengetahuan, pengurusan kewangan dan ciri keusahawanan sebagai persediaan menjadi usahawan berdaya maju.

## **Kenal pasti potensi**

Selain itu, katanya, ia juga bagi membantu semua peserta yang dipilih dari program Inkubator Keusahawanan Wanita (I-KEUNITA) dan Inkubator Ibu Tunggal (I-KIT) mengenal pasti potensi diri mereka untuk menjadi ahli perniagaan wanita berjaya.

“Melalui seminar ini, kita berharap dapat menerapkan etika dan strategi perniagaan yang progresif serta positif bagi membolehkan peserta mengamalkannya



Noor Hisamsol (dua dari kanan) bersama Pensyarah Kanan Fakulti Ekonomi dan Pengurusan UPM, Shafie Sidek (tiga dari kanan) **berbual bersama peserta seminar** di Perkampungan Hang Tuah, Duyong. [ FOTO MOHD KHAIRUL HELMY MOHD DIN/ BH ]

dalam menjalankan perniagaan mereka kelak,” katanya ketika merasmikan seminar itu.

Pada seminar itu, peserta didedahkan dengan pelbagai maklumat berkaitan menerusi empat sesi taklimat daripada pihak Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), Bank Rakyat dan Fakulti Ekonomi dan Pengurusan Universiti Putra Malaysia (UPM).

Noor Hisamsol berkata,

seminar itu adalah lanjutan daripada penganjuran 18 program keusahawanan dalam pelbagai bidang untuk 380 peserta I-KIT dan I-KEUNITA sejak September lalu, selama 10 minggu.

“Bagaimanapun, daripada setiap program itu, kita memilih tiga wakil peserta yang berpotensi menjadi lebih berdaya saing dan mencipta kejayaan dalam bidang keusahawanan yang diceburi mereka bagi menyertai seminar ini,” katanya.